

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
TARIKH / HARI : 18 JANUARI 2017 (RABU)

Hari Bebas Kenderaan Shah Alam 22 Januari

45
18/1

SHAH ALAM 17 Jan. - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) buat julung kalinya akan menganjurkan program khas bagi menggalakkan orang ramai mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian pada 22 Januari ini.

Program yang dikenali sebagai 'Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan 2017' itu diadakan sebagai salah satu inisiatif pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan untuk mengurangkan kesesakan lalu

lintas sekali gus mengurangkan pelepasan gas karbon monoksida yang boleh menjejaskan kualiti alam sekitar.

Menurut Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad, menerusi program satu hari itu, orang ramai digalakkan menggunakan basikal, kasut roda, papan luncur, berjalan kaki atau skuter luncur sebagai pengangkutan mereka untuk bergerak di sekitar kawasan pusat bandar raya ini.

"Pada masa sama, program itu turut diselitkan dengan pelbagai program lain antaranya aktiviti riadah, persembahan kombo MBSA, *buskers*, kugiran selain aktiviti senamrobik serta pameran daripada pelbagai agensi-agensi kerajaan," katanya dalam kenyataan akhbar di sini.

Program akan diadakan di Dataran Kemerdekaan bermula seawal 6.30 pagi malah ia akan diteruskan pada minggu kedua pada setiap bulan.